

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL
KARIM [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI ABDUL KARIM [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membolehkan 'swab test' COVID-19 diakses oleh semua golongan terutama kumpulan B40 supaya mereka tidak dibebani dengan kos yang tinggi bagi menjalankan saringan sama ada bergejala atau tidak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 22 November 2020, kumulatif kes positif COVID-19 di Malaysia adalah seramai 54,775 orang. Jumlah tersebut merupakan sebahagian dari sejumlah 2,528,158 individu yang telah diambil sampel, menjadikan kadar positif dalam kalangan mereka yang telah disaring adalah sejumlah 2.17%.

2. Ujian saringan yang dilaksanakan tidak hanya terhad kepada golongan *Patient Under Investigation* (PUI) atau kontak-kontak rapat kepada kes positif yang dikesan melalui pengendalian kluster di lapangan sahaja. Kes sporadik turut dikesan dalam kalangan golongan *Person Under Surveillance* (PUS) mahupun dari aktiviti surveilan COVID-19 yang melibatkan tiga (3) kategori – iaitu orang awam yang mengunjungi fasiliti kesihatan yang

SOALAN NO : 19

dikenalpasti sebagai lokasi-lokasi sentinel, petugas perubatan dan kesihatan serta dalam kalangan pesakit sejurus sebelum menjalani prosedur pembedahan.

3. Melalui pelbagai aktiviti saringan yang dijalankan ini, didapati kadar positif yang diperolehi dalam kalangan *Patient Under Investigation* (PUI) atau kontak-kontak rapat kepada kes positif yang dikesan melalui pengendalian kluster di lapangan adalah lebih tinggi berbanding kadar positif yang diperolehi dari aktiviti surveilan COVID-19 iaitu 2.47% berbanding 0.23%.

4. Pendekatan saringan secara bersasar digunapakai khususnya melibatkan kontak rapat kes COVID-19 yang dikesan di lapangan dan dalam kalangan individu yang didapati memenuhi kriteria sebagai golongan berisiko tinggi. Ujian makmal yang dijalankan terhadap golongan yang dikenalpasti **melalui aktiviti saringan secara bersasar ini tidak dikenakan sebarang caj.** Pendekatan ini digunakan bagi memastikan pengurusan sumber yang berkesan, mengambilkira keupayaannya untuk memaksima keberhasilan daripada aktiviti yang dilaksanakan.

5. Pemeriksaan 'Swab test' COVID-19 **bukanlah suatu perkara rutin yang perlu dijalani oleh setiap anggota masyarakat, termasuklah bagi individu dari kumpulan B40.** Ujian ini sebaiknya dilaksanakan apabila terdapat indikasi yang kukuh untuk berbuat demikian.

Sekian, terima kasih.